

# Latif mahu pecah rekod kebangsaan atlet normal

**Kuala Lumpur:** Selepas cemerlang di Sukan Paralimpik Rio 2016, atlet sensasi negara, Abdul Latif Romly sudah sedia 'terbang tinggi' dengan menanam impian merangkul pingat emas di Sukan SEA Kuala Lumpur 2017.

Namun, tanpa berselindung atlet berusia 19 tahun itu mengakui dia perlu berusaha lebih keras untuk memenuhi keinginannya itu.

Ini memandangkan lompatan rekod dunia sejauh 7.60 meter (m) yang dilakukan olehnya di Rio masih ketinggalan 0.15m di belakang atlet Thailand, Supanara Sukhasvasti yang meraih emas pada Sukan SEA Singapura 2015.

"Saya memang mahu beraksi di Sukan SEA untuk bertanding dengan atlet normal tetapi untuk raih emas saya perlu tingkatkan lagi intensiti latihan," katanya pada majlis penyerahan sumbangan daripada Naza Corporation Holdings kepada pemenang pingat di Sukan Paralimpik Rio 2016 di Menara Naza, di sini, semalam.

## **Hadiah kediaman**

Pada majlis itu, Naza menghadiahkan Latif seunit kediaman mewah, Trion 888, Equine Park bernilai RM350,000 dan kereta, Kia Sportage bernilai RM121,888.

Anak kelahiran Kampung Paya Kelubi, Bukit Keteri, Perlis itu, bagaimanapun menjelaskan dia masih belum boleh memandu Kia Sportage itu kerana belum ada lesen kereta.

"Saya sangat gembira dan bersyukur dengan insentif ini... Kenderaan ini memang untuk kegunaan saya sendiri tetapi saya perlu tunggu sehingga bulan November (untuk mengambil lesen), baru boleh memandunya," katanya.

Dalam pada itu, Latif menjelaskan dia sudah meletakkan sasaran untuk memecahkan rekod kebangsaan yang dipegang Josbert Tinus dengan jarak 7.88m dalam tempoh dua tahun akan datang.